

Semua perniagaan yang guna alat timbang, sukat dikehendaki membuat penentusahan

18 FEBRUARI 2020




SRI AMAN- Semua perniagaan yang menggunakan alat timbang dan sukat dikehendaki membuat penentusahan kepada Metrology Corporation Malaysia (MCM) Sdn Bhd agar tidak dikenakan tindakan atas kegagalan berbuat demikian, yang membawa kepada hukuman penjara empat tahun dan denda RM5,000 atau kedua-duanya sekali di bawah Akta Timbang Sukat 1972.

Menurut Ketua Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sri Aman, Pelani Anak Kemiti berkata, pihaknya bersama MCM sebagai syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Timbang Sukat 1972 akan melakukan operasi berterusan di seluruh bahagian Sri Aman dan Betong bagi mengesan perniagaan yang melakukan kesalahan tersebut iaitu memanipulasikan timbangan dan sukatan.

la kerana, katanya semua alat timbang dan sukat yang digunakan di pasaran perlu ditentukan setiap tahun dengan kesemua alat tersebut akan dilekatkan dengan pelekat keselamatan yang dicatatkan tarikh tamat tempoh sah.

Beliau menjelaskan bahawa alat timbang dan sukat yang dinyatakan adalah seperti alat timbang kenderaan, alat sukat linier, lori tangki (membawa bahan petroleum), alat sukat alkohol, alat timbang emas, alat timbang pelantar, meter parkir, perakam masa, neraca spring, alat sukat isipadu cecair, meter air, pam dispenser dan batu ujian.



"KPDNHEP tidak akan berkompromi sekiranya berlaku unsur-unsur perniagaan yang tidak beretika seperti pengubahsuaian atau menggunakan alat timbang yang tidak ditentukan.

"KPDNHEP Sri Aman telah meletakkan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) sebanyak 12 kali iaitu, untuk membuat pemeriksaan secara mengejut ke atas Alat Timbang Kenderaan (ATK) bersama syarikat MCM yang membeli buah kelapa sawit terutamanya daripada pekebun kecil di bahagian Sri Aman dan Betong," katanya menerusi kenyataan kepada media dekat sini semalam.

Pelani berkata, ini bertujuan bagi mengesan pemilik ATK yang tidak jujur iaitu sengaja membuat pengubahsuaian Alat Timbang untuk mengaut keuntungan yang lebih.

"Adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP yang menguatkuasakan Akta Timbang Dan Sukat 1972 untuk menjaga kepentingan rakyat terutamanya pekebun kecil yang pendapatan mereka bergantung dengan hasil jualan buah kelapa sawit," ujarnya.

Menurut Pelani, sehingga semalam KPDNHEP Sri Aman telah membuat operasi pemeriksaan mengejut ke atas alat timbang kenderaan sebanyak lima kali.

Setakat ini katanya kesemua alat timbang kenderaan yang telah diuji adalah tepat dan mengikut standard berat yang ditetapkan oleh kerajaan.

“Orang ramai adalah diseru untuk menjadi mata dan telinga KPDNHEP dengan menyalurkan sebarang aduan mengenai kesalahan alat timbang dan sukat, ia boleh disalurkan kepada KPDNKK melalui e-mel e-aduan@kpdnkk.gov.my atau hubungi talian bebas tol di 1-800-886-800 atau datang sendiri ke Pejabat KPDNHEP Sri Aman,” jelas Pelani.

